

01 JUN 2001

KTM-Sentral

PERKHIDMATAN TAMBAHAN KTM KOMUTER SEMPENA PERASMIAN STESEN SENTRAL KL

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) akan mengadakan perkhidmatan KTM Komuter tambahan sempena perasmian stesen Sentral Kuala Lumpur oleh Perdana Menteri Datuk Mahathir Mohamad pada 13 Jun ini.

Menurut kenyataan KTMB, perkhidmatan KTM Komuter akan dilanjutkan sehingga pukul 1 pagi berbanding jadual perkhidmatan biasa yang berakhir sekitar pukul 11 malam.

Sebanyak 14 perkhidmatan tambahan akan disediakan selepas perkhidmatan biasa berakhir dengan kekerapan setiap 30 minit melibatkan laluan sektor Rawang, Seremban dan Pelabuhan Klang.

"Perkhidmatan tambahan ini dibuat untuk memperkenalkan serta membuka peluang kepada orang ramai menggunakan perkhidmatan Komuter di stesen Sentral yang diintegrasikan dengan perkhidmatan LRT-PUTRA," kata kenyataan itu.

Ia juga bagi kemudahan pengunjung yang hadir pada upacara perasmian yang dijangka berakhir pada pukul 11.30 malam.

KTM Komuter yang memulakan operasi di stesen Sentral Kuala Lumpur pada 16 April lepas, kini mengendalikan kira-kira 3,000 pengguna sehari di stesen itu.

Keterangan lanjut mengenai jadual waktu perkhidmatan tambahan sempena upacara perasmian stesen Sentral Kuala Lumpur itu boleh diperolehi dengan menghubungi talian 03-2272 2828 atau stesen-stesen KTM Komuter berhampiran.

-- BERNAMA

AN AZZ LAT